

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 9, 2017 3:25 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Survival Ekonomi Anak Muda Bincang Kelangsungan Hidup Generasi Kini



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 MAC 2017 / 10 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

SURVIVAL EKONOMI ANAK MUDA BINCANG KELANGSUNGAN HIDUP GENERASI KINI



UUM ONLINE: Selepas krisis ekonomi dunia pada tahun 2008, pakar-pakar ekonomi sering berbicara mengenai pengangguran, hutang dan peningkatan hartanah yang semakin menekan pendapatan generasi muda.

Isu ini membawa kepada persoalan mengenai kelangsungan hidup atau 'survival' ekonomi generasi muda terutamanya ketika keadaan ekonomi dunia semakin tidak menentu pada masa kini.

Bagi membincangkan tentang isu itu, Pusat Penyelidikan Koridor Utara (NCRC) Universiti Utara Malaysia (UUM) menganjurkan forum 'Survival Ekonomi Anak Muda' yang dikendalikan oleh Pensyarah SEFB, Muhammad Ridhuan Bos Abdullah di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen, semalam.

Forum ini membariskan tiga ahli panel terdiri daripada Dr Muhammed Abdul Khalid, Felo Adjung NCRC; Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin, Profesor di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), dan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, Felo Putra, Universiti Putra Malaysia.

Dalam membincangkan isu ini Prof Datuk Dr Amir Hussin berpendapat generasi muda tidak mempunyai masalah untuk 'survive' kerana Malaysia adalah negara yang muda.

"Kalau kita lihat kepada sejarah, tiada negara yang bermula dengan orang tua. Malaysia sebagai sebuah negara yang muda, tidak boleh membazirkan generasi mudanya.

"Golongan tua perlu sentiasa merancang demi kebaikan generasi muda. Walau bagaimanapun generasi muda juga perlu menyatakan apa yang mereka mahukan dengan segera.

"*Survival* generasi muda terletak pada tangan dan fikiran mereka sendiri. Fikiran itu mesti berasas dan disokong oleh jati diri dan usaha bersungguh tanpa jemu," ujarinya.

Sementara itu, Dr Muhammed Abdul Khalid pula lebih kritikal dengan pendapatnya. Beliau merumuskan bahawa generasi muda tidak akan 'survive' dan akan menghadapi banyak cabaran yang generasi pada dua, tiga dekad lalu tidak hadapi.

"Walaupun negara ini negara muda, namun ianya tidak lama. Generasi muda tidak ada banyak masa kerana dalam tempoh 17 tahun lagi negara ini akan menjadi negara tua.

"Apabila negara menjadi negara tua kita tidak ada banyak duit kerana mereka (golongan tua) tidak lagi bekerja. Siapa yang akan membiayai mereka? Graduan juga tidak memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelulusan mereka kerana pekerjaan yang ada pada hari ini adalah pekerjaan kemahiran rendah.

"Pelaburan dari syarikat asing juga tidak akan menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan kerana mereka akan mengambil pekerja dari negara mereka.

"Dalam menghadapi situasi ini apa yang generasi muda boleh lakukan adalah mewujudkan pekerjaan, jadi usahawan. Kalau nak cari pekerjaan, perlu lebih aktif, jadi lain dari yang lain, inovatif, celik kesusasteraan dan sejarah, punyai moral yang baik, suarakan pendapat kepada pembuat dasar apa yang anak muda mahu serta ambil tahu isu-isu yang berlaku di dalam negara.

"Jika golongan muda tidak melakukan apa-apa terhadap isu-isu negara golongan ini yang harus dipersalahkan," jelasnya.

Manakala Wan Ahmad Fayhsal berkata generasi muda mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk menentukan 'survival' mereka.

Beliau memetik kata-kata sejarawan British, Arnold J. Toynbee, "*Civilizations die from suicide, not by murder.*"

"Peradaban hancur kerana tangannya sendiri dan bukan oleh musuh di luar. Apabila kita bercakap mengenai 'survival' maksudnya anda berada di terminus atau hentian akhir. Apa yang menyebabkan sesuatu peradaban mampu terus wujud atau musnah, jawapannya adalah anak muda.

"Adakah generasi muda hari ini adalah golongan yang akan membangunkan negara ini atau memusnahkannya kerana tidak mempunyai kemampuan untuk 'survive' seperti generasi terdahulu yang menentang penjajah?

"Kita perlu diagnosis keadaan diri sendiri sebelum membuat prognosis apa yang akan berlaku. Dalam hal ini simptom yang akan membawa kepada kehancuran negara ini dapat dilihat pada generasi muda hari ini.

"Walau bagaimanapun generasi muda juga yang akan membangunkannya, iaitu minoriti kritikal. Tanya diri sendiri adakah anda sebahagian besar yang akan menghancurkan negara atau minoriti kritikal yang akan membangunkannya," ujarnya.

Hadir sama Timbalan Pengarah NCRC, Prof Madya Dr Norehan Abdullah dan pegawai-pegawai UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.